

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)27

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

27. Industri sukan berpotensi untuk membantu menyumbang kepada ekonomi dan juga menyumbangkan hasil kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri seperti contoh industri e-sukan, sukan ekstrem dan lain-lain. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai usaha untuk mengembangkan sektor sukan dalam negeri agar dapat dijadikan sebagai industri ekonomi baharu?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Berpegang kepada prinsip sebagai sebuah negeri cakna kebajikan, Kerajaan Negeri pada ketika ini sedang memberi tumpuan dalam memastikan pencapaian "Manifesto Perpaduan Pulau Pinang 2023" dan pencapaian "Visi Penang2030" yang bersandarkan kepada 16 tunjang utama yang menjadi kepentingan dan diutamakan pelaksanaannya.

Kerajaan Negeri amat komited dan akan meneliti usaha untuk mengembangkan sektor sukan dalam negeri agar dapat dijadikan sebagai industri ekonomi baharu selaras dengan 'Pelan Industri

Sukan Negara' yang akan diumumkan pelaksanaannya oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam masa terdekat.

Pelan tersebut bakal menggariskan beberapa langkah strategi serta inisiatif yang boleh memberi manfaat kepada sektor industri sukan serta dapat menghasilkan pulangan semula kepada ekonomi negara sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan Negara melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 18 April 2024 yang lalu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menerima dan mengalu-alukan jalinan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan bagi cadangan pelaburan yang dilihat berpotensi untuk mengembangkan sektor sukan negeri ke arah yang dinamik serta mampu memberi faedah dan hasil kepada negeri Pulau Pinang khususnya dan negara Malaysia secara amnya.